

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 13/04/2020

Edisi / Muka Surat : Nasional / 28

Tajuk : Bank Rakyat sumbang semula keuntungan kepada pelanggan, masyarakat



Bank Rakyat mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan zakat yang konsisten secara purata berjumlah RM1.6 bilion setiap tahun bagi tempoh lima tahun.

## Bank Rakyat sumbang semula keuntungan kepada pelanggan, masyarakat

**BANK** koperasi Islam terbesar Malaysia, Bank Rakyat fokus membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS), perniagaan mikro serta segmen teras runcit yang terjejas akibat penularan Covid-19 menerusi kempen BizCare melibatkan peruntukan berjumlah RM300 juta.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Rosman Mohamed berkata, kejayaan Bank Rakyat mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan zakat yang konsisten secara purata berjumlah RM1.6 bilion setiap tahun bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini membolehkan pihaknya menyumbang semula kepada masyarakat dan pelanggan.

“Prestasi ini juga membolehkan

Bank Rakyat menterjemahkannya dalam bentuk pulangan dividen berjumlah dua digit kepada anggota selama lebih daripada 10 tahun serta sumbangan zakat dan hibah melebihi RM30 juta.

“Ia adalah hasil semangat kerja berpasukan semua lapisan warga kerja dan keteguhan Jawatankuasa Pengurusan yang memberi perhatian terhadap aspek pemasaran dan pemulihan kredit,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya akan menilai semula pelan lima tahun hala tuju Bank Rakyat 2025 (BR25) berikutan keperluan dan kehendak segmen pelanggan yang akan berubah Covid-19, sekaligus mengubah landskap ekonomi.